

MSNM mengaku gagal memberi Ahmad Sardi latihan sempurna

B. Minggu (M)

25 OCT 1987

MAJLIS Silat Negeri Melaka (MSNM) mengakui kelemahan dalam menguruskan latihan yang cukup bagi pesilat tunggalnya, Ahmad Wardi Salim, untuk Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Setiausaha MSNM, Salim Kassim, berkata pihaknya akan berusaha mengatasi masalah itu dan cuba memberi pesilat kebangsaan itu latihan yang lebih sempurna.

Menurutnya, kegagalan Ahmad Wardi memperolehi cuti daripada majikannya untuk menjalani latihan menjadi punca MSNM gagal menyusun jadual latihan.

"Bukan itu saja, malah Ahmad Wardi tidak mempunyai pasangan baik untuk berlatih berbanding pesilat-pesilat kebangsaan lain yang mempunyai rakan selatihan untuk kejohanan dunia itu," katanya mengulas kenyataan Ahmad Wardi baru-baru ini.

Salim turut mengakui MSNM tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk pesilat-pesilat Melaka berlatih.

Bagaimanapun, katanya, MSNM sedang berusaha mendapatkan gimnasium di Ge-

langgang Budaya Air Keroh, menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri, untuk membolehkan Ahmad Wardi menjalani latihan.

MSNM juga akan memohonkan cuti khas untuk Ahmad Wardi menerusi Timbalan Majlis Perbandaran Melaka (MPM), Dr Mohammad Nong, sebelum dia mengikuti latihan pu-

sat di Kuala Lumpur pada 10 November ini.

Ahmad Wardi, 22, adalah pesilat terbaik 1986 yang hanya berjaya mengutip pingat gangsa di Sukan SEA Jakarta lalu, bertugas sebagai pegawai penguatkuasa di MPM awal tahun ini.

Salim percaya Ahmad Wardi berupaya untuk meraih pingat emas dalam kejohanan dunia nanti selepas kecederaan pada kakinya pulih.

Katanya, pesilat itu mampu menumpaskan juara silat Indonesia, Joko Wedodo, di kejohanan itu tetapi perlu menjalani latihan lebih keras lagi.

Sebelum ini, Ahmad Wardi ditumpaskan oleh Joko Wedodo dua kali di kejohanan peringkat antarabangsa termasuk di Sukan SEA Jakarta baru-baru ini.



Azahariah khuatir berlatih sendiri

B. Minggu (M)

25 OCT 1987

PESILAT wanita kebangsaan dalam Kelas C, Siti Azahariah Hussin, khuatir tercicir dalam senarai pesilat untuk Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini berikutan diadakan pemilihan semula tidak lama lagi.

Baginya, pemilihan semula pada 7-11 November ini begitu merunsingkan kerana dia tidak menjalani latihan di mana-mana perguruan setakat ini.

"Sekembali dari Jakarta lalu, saya hanya berlatih sendiri di rumah dan tempat pengajian tanpa bimbingan jurulatih," ujarnya.

"Latihan yang saya lakukan lebih ditumpukan kepada mempercepatkan gerakan sewaktu menyerang. Ini kelemahan yang menyebabkan saya gagal di Jakarta dulu," jelasnya.

Pelajar Institut Kemahiran MARA (IKM) itu tetap ingin menebus kegagalan di Jakarta dalam kejohanan dunia ini kalau dipilih nanti.